



SIARAN MEDIA

PROGRAM 'SPRING CLEANING' SEMPERNA TAHUN BAHARU CINA 2023

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama KDEB Waste Management (KDEBWM) meneruskan lagi Program 'Spring Cleaning' pada tahun ini sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang akan disambut tidak lama lagi. MPS akan menyediakan sebanyak 10 buah tong RORO di 10 lokasi iaitu di Jalan SG3/6 & SG3/7 (berhampiran Pasar Sri Gombak), Taman Sri Selayang, Jalan SJ 24 Taman Selayang Jaya, Taman Daya, Kampung Lee Kim Sai, Jalan NGP1 New Green Park Rawang, Bandar Country Homes, Jalan BRP 7/1 Bukit Rahman Putra, Kampung Desa Aman dan Desa Jaya.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif berterusan bagi sambutan perayaan utama bagi membantu orang ramai membuang sampah pukal, *e-waste* dan sampah perabot di dalam tong RORO yang telah disediakan oleh MPS. Untuk tahun ini, MPS akan menyediakan perkhidmatan secara percuma bermula pada 13 hingga 15 Januari 2023.

MPS berharap agar penduduk di kawasan yang terlibat dapat mengambil peluang melakukan pembersihan sempena persiapan Tahun Baharu Cina yang akan tiba dan membuang sampah pukal ke dalam tong RORO yang disediakan bagi memudahkan pihak MPS membuat kutipan sekaligus dapat memastikan kawasan sekitar berada dalam keadaan bersih dan selesa.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JPSPK) di talian 03-6126 6024 atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
12 Januari 2023